

## LATIHAN FORMATIF BAB 1 TINGKATAN 2

1. Senaraikan tiga aktiviti manusia yang boleh menyebabkan ketidakseimbangan dan kemerosotan alam sekitar.




a) \_\_\_\_\_

b) \_\_\_\_\_

c) \_\_\_\_\_

(3 markah)

2. Namakan kelas haiwan dan satu ciri istimewa yang hanya terdapat pada setiap haiwan yang ditunjukkan di bawah ini.


| Haiwan                                                                              | Kelas | Ciri istimewa                                                                 |
|-------------------------------------------------------------------------------------|-------|-------------------------------------------------------------------------------|
|    |       | Badan diselaputi _____                                                        |
|   |       | Bernafas melalui _____ semasa kecil dan bernafas melalui _____ semasa dewasa. |
|  |       | Badan diselaputi _____                                                        |
|  |       | Badan diselaputi _____                                                        |
|  |       | Mempunyai cuping _____ dan kelenjar _____                                     |

(12 markah)

3. Gambarajah di bawah menunjukkan hidupan marin bersaiz besar yang dikelaskan dalam dua kelas vertebrata yang berbeza. Ikan paus biru adalah mamalia manakala ikan jerung adalah dalam kumpulan ikan.



Ikan paus biru




Ikan jerung putih

Mengapakah kedua-dua haiwan ini dikelaskan dalam kelas vertebrata yang berbeza walaupun kedua-duanya tinggal dalam satu habitat yang sama.

Ikan paus biru adalah kumpulan \_\_\_\_\_ kerana \_\_\_\_\_ manakala  
ikan jerung putih adalah kumpulan \_\_\_\_\_ kerana \_\_\_\_\_.

[4 markah]

4. Rajah di bawah menunjukkan pengelasan tumbuhan berbunga berdasarkan corak urat daun



- a) Namakan **jenis urat daun** bagi tumbuhan P dan Q yang ditunjukkan dalam rajah di atas.

P: \_\_\_\_\_

Q: \_\_\_\_\_


(2 markah)

- b) Nyatakan **dua** ciri yang boleh digunakan untuk mengelaskan tumbuhan berbunga selain daripada yang ditunjukkan dalam rajah di atas

---

(2 markah)

5. Kaji kekunci dikotomi di bawah dan kenalpasti organisma A B C D dan E.



1. (a) boleh hasilkan makanan sendiri ..... No 2

(b) tidak boleh hasilkan makanan sendiri ..... No 4

2. (a) berbunga .....A

(b) tidak berbunga .....No 3

3. (a) bervaskular .....B

(b) tidak bervaskular..... C

4.(a) bertulang belakang ..... .D

(b) tidak bertulang belakang .....E